| Headline | Jadi asas penyelidikan | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 26 Nov 2020 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 107,609 |
| Page No | 25 | Readership | 322,827 |
| Language | Malay | ArticleSize | 500 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 20,446 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 61,338 |





PENGAMAL perubatan tradisional dari Muar menandatangani borang pengesahan untuk berkongsi pengetahuan kepada pegawai FRIM.

# Jadi asas penyelidikan

SEMENTARA itu bagi penyelidik herba Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Mahanem Mat Noor, pengetahuan tradisional wajar dijadikan asas kerana ia adalah salah satu sumber rujukan yang telah menjadi amalan tradisi dan terbukti keberkesanannya.

Walau bagaimana pun menjadi tanggungjawab penyelidik untuk mengkaji mekanisme keberkesanan atau khasiat herba sebagai perubatan alternatif.

Kesimpulannya, penyelidikan atau pengetahuan sains dan pengetahuan dan amalan tradisional tidak boleh dipisahkan sebaliknya saling berkomplemantari dalam memperkasakan peranan herba dalam perubatan.

"Antara amalan pengamal herba ubatan tradisional ialah daripada segi masa herba dipetik, di mana mereka memetik herba pada sebelah pagi sebelum jam 12 tengah hari.

"Dipercayai menjelang tengah hari kompaun toksik akan berada pada bahagian pucuk herba. Ini menjadi suatu persoalan yang menarik untuk dikaji dan dibuktikan secara saintifik," ujarnya.



DR. MAHANEM MAT NOR

> "Antara amalan pengamal herba ubatan tradisional ialah daripada segi masa herba dipetik, di mana mereka memetik herba pada sebelah pagi sebelum jam 12 tengah hari."

Powered by: iSENTIA